## Bahasa Malaysia 4

### Hasil Pembelajaran

2.2.1 Mengemukakan soalan dengan menggunakan intonasi yang betul
2.2.2 Menjawab soalan dengan tepat
2.2.4 Bersoal jawab secara bersopan
3.2.1 Mengecam huruf vokal yang terdapat dalam perkataan
3.2.2 Membunyikan huruf vokal
3.3.1 Mengecam dan membunyikan huruf konsonan
3.6.1 Menyebut suku kata hasil gabungan huruf konsonan dan huruf vokal (KV)
3.6.2 Mencantum dua suku kata konsonan dan vokal (KV + KV) dalam satu perkataan
3.6.3 Membaca suku kata terbuka (VKV)
3.6.4 Membaca suku kata tertutup (KVK)
3.6.5 Membaca dua suku kata terdiri daripada (KV + KVK), (KVK + KV) dan (KVK + KVK)
3.6.6 Membaca perkataan gabungan dua suku kata vokal berganding dan konsonan berganding (KV + VK) dan (VK + KV)
3.7.1 Membaca perkataan dan rangkai kata yang bermakna
3.8.1 Membaca ayat dari cantuman perkataan dan rangkai kata

# Panduan mengajar bagi e-Daya Bahasa Malaysia 4

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| 1<br>(Unit 1)<br>Vokal<br>a e i o u | 3.3.1<br>3.2.2<br>3.2.1<br>3.7.1 | i. Dapat menyenaraikan vokal dan konsonan.<br>ii. Dapat menyebut vokal “a”, “e”(taling), “e”(pepet), “i”, “o”, dan “u” dengan jelas dan tepat. | 1. Murid menghafal dan membaca huruf “a” hingga “z”.<br>2. Murid menyenaraikan vokal atau konsonan secara lisan atau bertulis.<br>3. Guru memberi penekanan ke atas “e” (taling) dan “e” (pepet) supaya dapat membezakan sebutan “e” (taling ) dan “e” (pepet). | – Kad huruf<br>– Kad perkataan |
| 2<br>(Unit 1)<br>Vokal<br>a | 3.6.1<br>3.2.1<br>3.7.1 | i. Dapat membaca suku kata terbuka vokal “a” (KV) dengan betul.<br>ii. Dapat membaca per-kataan yang terbentuk daripada vokal “a” pada awal atau akhir perkataan atau kedua-duanya dengan betul. | 1. Membimbing murid membaca suku kata terbuka sehingga fasih.<br>2. Guru tunjukkan kad suku kata yang lain.<br>3. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata yang mengandungi vokal “a” di awal atau akhir perkataan atau kedua-duanya.<br>4. Melatih murid mengeja atau membaca perkataan berulang kali sehingga fasih.<br>***Contoh:***<br>ba + tu = ba tu<br>ca + wan = ca wan<br>5. Ulangi dengan perkataan yang lain.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Murid memadankan suku kata yang diberi supaya menjadi perkataan yang bermakna. ***Contoh:***<br>*ba ca da* / *ha ka ta* / *da ga* => baca, dada, kata<br>ii. Kemudian, murid membaca bersama-sama. | – Kad suku kata<br>– Kad perkataan |
| 3<br>(Unit 1)<br>Vokal<br>e | 3.6.1<br>3.2.1<br>3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca suku kata terbuka vokal “e” (pepet) (KV) dengan betul.<br>ii. Dapat membaca per-kataan yang terbentuk daripada vokal “e”(pepet) pada awal atau akhir perkataan atau kedua-duanya dengan betul. | 1. Membimbing murid membaca suku kata terbuka sehingga fasih.<br>2. Guru tunjukkan kad suku kata, murid sebut dengan spontan, ulangi dengan suku kata yang lain.<br>3. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata yang mengandungi vokal “e” di awal atau akhir perkataan atau kedua-duanya.<br>4. Melatih murid mengeja atau membaca perkataan berulang kali sehingga fasih.<br>Contoh:<br>be + rus = berus<br>ge + las = gelas<br>5. Ulangi dengan perkataan yang lain. | – Kad suku kata<br>– Kad perkataan |
| 4<br>(Unit 1)<br>Vokal e | 3.6.1<br>3.2.1<br>3.7.1 | i. Dapat membaca suku kata terbuka vokal “e” (taling) (KV) dengan betul. | 1. Membimbing murid membaca suku kata terbuka sehingga fasih.<br>2. Guru tunjukkan kad suku kata, murid sebut dengan spontan, ulangi dengan suku kata yang lain. | – Kad suku kata |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | 3.8.1 | ii. Dapat membaca per-kataan yang terbentuk daripada vokal "e" (taling) pada awal atau akhir perkataan atau kedua-duanya dengan betul. | 3. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata yang mengandungi vokal "e" (taling) di awal atau akhir perkataan atau kedua-duanya.<br>4. Melatih murid mengeja atau membaca perkataan berulang kali sehingga fasih. ***Con-toh:***<br>be + ca = beca<br>ce + rek = cerek<br>5. Ulangi dengan perkataan yang lain. | – Kad perkataan |
| 5<br>(Unit 1)<br>Vokal<br>i | 3.6.1<br>3.2.1<br>3.7.1 | i. Dapat membaca suku kata terbuka vokal "i" (KV) dengan betul.<br>ii. Dapat membaca per-kataan yang terbentuk daripada vokal "i" pada awal atau akhir per-kataan atau kedua-duanya dengan betul. | 1. Membimbing murid membaca suku kata terbuka sehingga fasih.<br>2. Guru tunjukkan kad suku kata, murid sebut dengan spontan, ulangi dengan suku kata yang lain.<br>3. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata yang mengandungi vokal "i" di awal atau akhir perkataan atau kedua-duanya.<br>4. Melatih murid mengeja atau membaca perkataan berulang kali sehingga fasih. ***Con-toh:***<br>ci + li = cili<br>ki + pas = kipas<br>5. Ulangi dengan perkataan yang lain.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Murid memadankan suku kata yang diberi supaya menjadi perkataan yang bermakna.<br>***Contoh:***<br>***bi ci di*** lidi<br>*li ni ti* => titi<br>***ti ri ki*** kiri<br>ii. Kemudian, murid membaca bersama-sama. | – Kad suku kata<br>– Kad perkataan |
| 6<br>(Unit 1)<br>Vokal<br>o | 3.6.1<br>3.2.1<br>3.7.1 | i. Dapat membaca suku kata terbuka vokal "o" (KV) dengan betul.<br>ii. Dapat membaca per-kataan yang terbentuk daripada vokal "o" pada awal atau akhir per-kataan atau kedua-duanya dengan betul. | 1. Membimbing murid membaca suku kata terbuka sehingga fasih.<br>2. Guru tunjukkan kad suku kata, murid sebut dengan spontan, ulangi dengan suku kata yang lain.<br>3. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata yang mengandungi vokal "o" di awal atau akhir perkataan atau kedua-duanya.<br>4. Melatih murid mengeja atau membaca perkataan berulang kali sehingga fasih. ***Con-toh:***<br>bo + la = bola<br>be + lon = belon<br>5. Ulangi dengan perkataan yang lain.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Murid memadankan suku kata yang diberi supaya menjadi perkataan yang bermakna.<br>***Contoh:*** | – Kad suku kata<br>– Kad perkataan |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | | | ***ko lo yo*** soto<br>***yo so to*** => yoyo<br>ii. Kemudian, murid membaca bersama-sama. | |
| 7<br>(Unit 1)<br>Vokal<br>u | 3.6.1<br>3.2.1<br>3.7.1 | i. Dapat membaca suku kata terbuka vokal "u" (KV) dengan betul.<br>ii. Dapat membaca per-kataan yang terbentuk daripada vokal "u" pada awal atau akhir per-kataan atau kedua-duanya dengan betul. | 1. Membimbing murid membaca suku kata terbuka sehingga fasih.<br>2. Guru tunjukkan kad suku kata, murid sebut dengan spontan, ulangi dengan suku kata yang lain.<br>3. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata yang mengandungi vokal "u" di awal atau akhir perkataan atau kedua-duanya.<br>4. Melatih murid mengeja atau membaca perkataan berulang kali sehingga fasih. ***Con-toh:***<br>bu + ku = buku<br>du + ri = duri<br>5. Ulangi dengan perkataan yang lain.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Murid memadankan suku kata yang diberi supaya menjadi perkataan yang bermakna.<br>***Contoh:***<br>***ku cu du*** duku<br>***mu nu lu*** => kuku<br>***ku gu cu*** cucu<br>ii. Kemudian, murid membaca bersama-sama. | – Kad suku kata<br>– Kad perkataan |
| 8<br>(Unit 2)<br>Suku kata tertutup<br>(kvk) | 3.6.4 | i. Dapat membaca dan mema-hami perkataan yang terbentuk daripada suku kata tertutup (KVK). | 1. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata tertutup (KVK).<br>2. Adakan latih tubi membaca perkataan sehingga fasih.<br>3. Menerangkan makna perkataan menerusi gambar.<br>4. Aktiviti pengayaan, guru sebut perkataan tertentu, murid pula tunjukkan gambar yang berkaitan. | – Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 9<br>(Unit 2)<br>Suku kata terbuka<br>(vkv) | 3.6.3 | i. Dapat membaca dan mema-hami perkataan yang terbentuk daripada suku kata terbuka (VKV). | 1. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata terbuka (VKV).<br>2. Adakan latih tubi membaca perkataan sehingga fasih.<br>3. Menerangkan makna perkataan menerusi gambar.<br>4. Aktiviti pengayaan, guru sebut perkataan tertentu, murid pula tunjukkan gambar yang berkaitan. | – Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 10<br>(Unit 2)<br>Suku kata<br>(kv + kv) | 3.6.1<br>3.6.2<br>3.7.1 | i. Dapat membaca dan mema-hami perkataan yang terbentuk daripada suku kata (KV + KV). | 1. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata (KV + KV).<br>2. Adakan latih tubi membaca perkataan sehingga fasih.<br>3. Menerangkan makna perkataan menerusi gambar.<br>4. Aktiviti pengayaan, guru sebut perkataan tertentu, murid pula tunjukkan gambar yang berkaitan. | – Kad perkataan<br>– Kad gambar |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| 11<br>(Unit 2)<br>Suku kata<br>(kv + vk) | 3.6.1<br>3.6.6<br>3.7.1 | i. Dapat membaca dan memahami perkataan yang terbentuk daripada suku kata (KV + VK). | 1. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata (KV + VK).<br>2. Adakan latih tubi membaca perkataan sehingga fasih.<br>3. Menerangkan makna perkataan menerusi gambar.<br>4. Aktiviti pengayaan, guru sebut perkataan tertentu, murid pula tunjukkan gambar yang berkaitan. | – Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 12<br>(Unit 2)<br>Suku kata<br>(kv+kvk) | 3.6.1<br>3.6.5<br>3.7.1 | i. Dapat membaca dan memahami perkataan yang terbentuk daripada suku kata (KV + KVK). | 1. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata (KV + KVK).<br>2. Adakan latih tubi membaca perkataan sehingga fasih.<br>3. Menerangkan makna perkataan menerusi gambar.<br>4. Aktiviti pengayaan, guru sebut perkataan tertentu, murid pula tunjukkan gambar yang berkaitan. | – Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 13<br>(Unit 2)<br>Suku kata<br>(vk + kvk) | 3.6.1<br>3.6.6<br>3.7.1 | i. Dapat membaca dan memahami perkataan yang terbentuk daripada suku kata (VK + KVK). | 1. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata (VK + KVK).<br>2. Adakan latih tubi membaca perkataan sehingga fasih.<br>3. Menerangkan makna perkataan menerusi gambar.<br>4. Aktiviti pengayaan, guru sebut perkataan tertentu, murid pula tunjukkan gambar yang berkaitan. | – Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 14<br>(Unit 2)<br>Suku kata<br>(kvk + kv) | 3.6.1<br>3.6.5<br>3.7.1 | i. Dapat membaca dan memahami perkataan yang terbentuk daripada suku kata (KVK + KV). | 1. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata (KVK + KV).<br>2. Adakan latih tubi membaca perkataan sehingga fasih.<br>3. Menerangkan makna perkataan menerusi gambar.<br>4. Aktiviti pengayaan, guru sebut perkataan tertentu, murid pula tunjukkan gambar yang berkaitan. | – Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 15<br>(Unit 2)<br>(kvk + kvk) | 3.6.1<br>3.6.5<br>3.7.1 | i. Dapat membaca dan memahami perkataan yang terbentuk daripada suku kata (KVK + KVK). | 1. Memperkenalkan perkataan yang terbentuk daripada suku kata (KVK + KVK).<br>2. Adakan latih tubi membaca perkataan sehingga fasih.<br>3. Menerangkan makna perkataan menerusi gambar.<br>4. Aktiviti pengayaan, guru sebut perkataan tertentu, murid pula tunjukkan gambar yang berkaitan. | – Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 17, 18<br>(Unit 3)<br>Anggota badan saya | 3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan mengenai keang-gotaan badan manusia.<br>ii. Dapat membaca ayat dalam konteks yang berkaitan. | 1. Seorang murid berdiri di hadapan kelas, guru menunjukkan anggota badannya satu demi satu.<br>2. Murid yang lain menyebut setiap keanggotaan yang ditunjuk-kan oleh guru.<br>3. Mempamerkan kad-kad perkataan yang berkaitan, minta murid membaca berulang kali.<br>4. Guru sebut perkataan mengenai anggota badan, murid-murid menunjukkan anggota badan diri sendiri yang berkaitan.<br>5. Guru tunjuk anggota badan tertentu, murid yang nyatakan nama anggota badan tersebut.<br>***Aktiviti lanjutan:*** | – Kad perkataan |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | | | i. Murid dibahagikan secara berpasangan, seorang tunjuk anggota badan, seorang murid lagi sebut namanya.<br>ii. Murid bertukar peranan dan menjalankan aktiviti seperti (i). | |
| 18<br>bahagian bawah<br>(Unit 3)<br>Anggota badan saya | 3.8.1 | I. Dapat membaca ayat dalam konteks yang berkaitan. | 1. Guru bersoal jawab mengenai kegunaan anggota badan seperti mata, telinga, mulut, hidung, kaki, dan tangan.<br>2. Menggalakkan murid memberi jawapan yang berkaitan.<br>3. Adakan aktiviti membaca ayat mengenai kegunaan anggota badan. ***Contoh:***<br>(a) Mata untuk melihat.<br>(b) Mulut untuk bercakap.<br>4. Guru sebut nama sesuatu anggota badan, murid menyampai-kan kegunaan anggota badan tersebut dalam ayat pendek.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai secara lisan atau bertulis.<br>(a) ________________ untuk melihat.<br>(b) ________________ untuk berjalan.<br>(c) ________________ untuk bercakap. | |
| 19<br>(Unit 4)<br>Ahli keluarga saya | 3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata dengan betul. | 1. Latih tubi menyebut perkataan berdasarkan kad perkataan.<br>**datuk** \| **nenek** \| **bapa** \| **emak**<br>**abang** \| **kakak** \| **adik**<br>2. Guru menunjukkan kad gambar dan murid menyebut perkataan yang berkaitan.<br>3. Guru menunjukkan kad perkataan dan murid pula tunjukkan gambar berkenaan.<br>4. Menyusun gambar mengikut umur.<br>(a) Lebih tua kepada paling muda.<br>(b) Paling muda kepada yang tertua.<br>5. Membaca ayat-ayat pendek seperti dalam buku teks. | – Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 20, 21<br>(Unit 4)<br>Ahli keluarga saya | 2.2.1<br>2.2.2<br>2.2.4<br>3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat menyoal untuk mendap-atkan maklumat.<br>ii. Dapat membaca ayat dalam konteks yang berkaitan. | 1. Guru menyoal murid berdasarkan gambar (gambar dalam buku teks). ***Contoh:***<br>(a) Guru : Ini gambar siapa?<br>Murid : Ini gambar datuk dan nenek.<br>(b) Guru : Apakah yang sedang dilakukan oleh mereka?<br>Murid : Mereka sedang minum kopi.<br>2. Langkah pengajaran (1) diulangi dengan gambar yang lain.<br>3. Mengadakan aktiviti membaca teks seperti yang terdapat dalam buku teks.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Latihan memanggil anggota keluarga dengan panggilan yang betul berdasarkan gam-bar. | |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| 23<br>(Unit 5)<br>Pakaian | 3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan atau rangkai kata mengenai pakaian. | 1. Guru menunjukkan kad gambar mengenai pakaian, dan murid pula menyebut nama bagi pakaian yang ditunjukkan.<br>2. Latih tubi menyebut perkataan berdasarkan kad perkataan.<br>**topi** **skirt** **kasut**<br>**baju** **seluar** **stoking**<br>3. Guru menunjukkan kad gambar, murid menyebut perkataan yang berkaitan dengan gambar atau sebaliknya.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Pengelasan gambar mengikut jantina.<br>(a) Pakaian untuk lelaki.<br>(b) Pakaian untuk perempuan. | – Kad gambar<br>– Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 24<br>(Unit 6)<br>Sekolah saya | 3.8.1 | i. Dapat bercerita tentang seko-lah mengikut pengalaman.<br>ii. Dapat membaca ayat dalam konteks. | 1. Bersoal jawab dengan murid mengenai nama dan keadaan sekolah mengikut pengala-man.<br>2. Tunjukkan gambar bagi sesuatu tempat dalam kawasan sekolah dan murid-murid cuba nyatakan namanya.<br>3. Membaca ayat-ayat dengan berdasarkan gambar yang terdapat dalam buku teks.<br>4. Menjalankan aktiviti mengenali sekolah dengan:<br>(a) Melukis lukisan tentang tajuk "Sekolah saya". | – Kad gambar<br>– Kad gambar |
| 25<br>(Unit 7)<br>Bilik darjah saya | 3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan, rangkai kata dan ayat dengan jelas dan tepat.<br>ii. Dapat mengemukakan soalan untuk mendapat-kan maklu-mat. | 1. Menamakan benda-benda yang terdapat di dalam bilik darjah.<br>Contoh: meja, kerusi, papan tulis, ...<br>2. Membaca perkataan pada kad imbasan dengan bimbingan guru.<br>3. Memadankan kad perkataan dengan kad gambar.<br>4. Bersoal jawab dengan berdasarkan kad gambar.<br>***Contoh:***<br>(a) Ini apa? (papan tulis)<br>(b) Apakah warna papan tulis ini? (hijau)<br>(c) Adakah papan tulis ini besar atau kecil? (besar)<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Adakan aktiviti mengira ke atas benda-benda yang terdapat dalam bilik darjah. | – Kad imbasan<br>– Kad gambar<br>– Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 26<br>(Unit 8)<br>Beg sekolah saya | 3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan, rangkai kata dan ayat dengan jelas dan tepat.<br>ii. Boleh menyoal untuk mendap-atkan maklumat. | 1. Menamakan benda yang terdapat pada kad gambar. Contoh: pensel, pensel warna, kertas, pengasah pensel, ...<br>2. Soal jawab berdasarkan kad gambar. ***Contoh:***<br>(a) Ini apa? (pensel)<br>(b) Apakah warna pensel ini? (hitam)<br>(C) Adakah pensel ini panjang atau pendek? (pendek) | – Kad gambar |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | | | 3. Membaca perkataan pada kad imbasan dengan bantuan/bimbingan guru.<br>4. Memadankan kad perkataan dengan kad gambar.<br>5. Senaraikan fungsi benda dalam beg sekolah.<br>***Contoh:***<br>(a) Pensel untuk menulis.<br>(b) Kotak pensel untuk menyimpan alat tulis. | – Kad perkataan |
| 27<br>(Unit 9)<br>Bentuk-bentuk di sekeliling saya | 3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan dan rangkai kata dengan betul.<br>ii. Dapat mengenali pelbagai bentuk benda maujud dan bukan maujud.<br>iii. Dapat kelaskan benda atau gambar mengikut kumpulannya. | 1. Menyebut nama pelbagai bentuk berdasarkan kad imbasan. Contoh: bulat, bujur, segi tiga, dan segi empat.<br>2. Memadankan kad perkataan dengan kad gambar yang berkenaan.<br>3. Mengaitkan bentuk berkenaan dengan benda maujud yang terdapat di dalam/di luar bilik darjah.<br>Contoh:<br>(a) Bola berbentuk bulat.<br>(b) Telur berbentuk bujur.<br>(c) Meja berbentuk segi empat.<br>4. Latihan mengumpul kad gambar mengikut bentuk.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Menyenaraikan benda-benda yang mempunyai bentuk:<br>(a) Bujur -> (c) Segi tiga -><br>(b) Bulat -> (d) Segi empat -> | – Kad imbasan<br>– Kad gambar<br>– Kad perkataan |
| 28<br>(Unit 10)<br>Sayur-sayuran | 3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan dengan jelas dan tepat.<br>ii. Boleh menamakan dan mengelaskan benda-benda maujud.<br>iii. Dapat membaca ayat dalam konteks dan seterus-nya menjawab soalan yang berkenaan. | 1. Mengenalkan sayuran yang biasa dilihat seperti di dalam buku teks.<br>2. Guru menunjukkan kad gambar, murid menamakan sayuran yang terdapat pada kad gambar dengan bimbingan guru.<br>Contoh: bendi, timun, tomato, lobak, kubis, lada, labu, dan terung.<br>3. Latih tubi membaca perkataan yang ditunjukkan dalam kad perkataan.<br>4. Menerangkan sifat sayuran dari segi bentuk, saiz dan warna.<br>***Contoh:***<br>=> Lada berwarna merah/hijau.<br>=> Rasanya pedas.<br>5. Menceritakan tentang pengalaman diri semasa berada di kebun sayur atau di pasar.<br>6. Membaca dan memahami petikan dalam buku teks.<br>7. Soal jawab berdasarkan petikan dengan menggunakan pelbagai kata tanya.<br>***Contoh:***<br>(a) Siapakah yang pergi ke pasar?<br>(b) Apakah sayuran yang dapat dibeli oleh ibu?<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Dengan menggunakan kad perkataan, bina ayat mudah seperti:<br>(a) Emak beli 5 biji tomato. | – Kad gambar<br>– Kad imbasan<br>– Kad perkataan<br>– Kad perkataan |

| Halaman | Hasil pembelajaran | Objektif | Langkah / Aktiviti | Alat bantu mengajar |
|---|---|---|---|---|
| | | | (b) Tomato berwarna merah.<br>=> Guru memberi penekanan tentang kepentingan memakan sayur-sayuran kepada murid -> (menjaga kesihatan badan).<br>=> Konsep penjodoh bilangan yang berkaitan diperkenalkan secara tidak langsung semasa menceritakan isi pelajaran. | |
| 29<br>(Unit 11)<br>Buah-buahan | 3.7.1<br>3.8.1 | i. Dapat membaca per-kataan dengan jelas dan tepat.<br>ii. Dapat bercerita mengenai sifat-sifat buah-buahan yang pernah dirasai. | 1. Membaca secara beramai-ramai atau individu tentang nama buah-buahan.<br>2. Latih tubi ejaan dan sebutan. Membaca perkataan dengan suku kata, seperti : <u>na</u> <u>nas</u> <u>mang</u> <u>ga</u> <u>du</u> <u>ri</u> <u>an</u> <u>pi</u> <u>sang</u><br>3. Latih tubi membaca perkataan yang mengandungi diftong, vokal berganding dan konsonan bergabung.<br>***Contoh:***<br>Limau -> diftong<br>durian -> vokal berganding<br>manggis -> konsonan bergabung<br>4. Menamakan jenis buah-buahan berdasarkan gambar.<br>5. Menyatakan sifat buah-buahan yang telah dinamakan.<br>***Contoh:***<br>=> Rambutan berwarna merah/kuning.<br>=> Kulitnya berambut, isinya manis.<br>6. Membaca dan memahami makna perkataan dan ayat dalam bentuk teka-teki seperti dalam buku teks.<br>***Aktiviti lanjutan:***<br>i. Mendengar teka-teki yang disampaikan oleh guru, murid menyatakan jawapannya.<br>ii. Melukis buah-buahan tempatan. | – Kad perkataan<br>– Kad perkataan<br>– Kad gambar |
| 30<br>(Unit 12)<br>Hobi | 3.8.1 | i. Dapat membaca ayat dalam konteks dengan betul dan seterusnya memahami maknanya. | 1. Murid menyatakan hobinya masing-masing dengan bimbingan guru.<br>2. Tunjukkan gambar dan membaca ayat yang berkaitan dengan gambar.<br>3. Membina ayat mudah berdasarkan gambar (berkaitan dengan hobi).<br>4. Galakkan murid-murid menyatakan hobinya dalam ayat mudah. | – Kad gambar |

# Contoh Pendekatan Bertema untuk Bahasa Malaysia 4

